



Nik Mohd Hasyudeen bersama Pengarah Eksekutif Operasi TH, Mustakim Mohamad (kiri) melancarkan aplikasi telefon pintar THiJARI di Menara TH, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)

TH jangka 500,000 pengguna manfaat platform THiJARI

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) menjangka 500,000 pengguna platform urus niaga dalam taliannya, THiJARI, menjelang akhir tahun ini.

Ia adalah tambahan 200,000 kepada 300,000 jumlah pengguna aplikasi itu pada masa ini.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua pegawai Eksekutif TH, Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yussoff, berkata jumlah pengguna dijangka bertambah didorong oleh pelancaran aplikasi telefon pintar THiJARI oleh TH.

Beliau berkata, aplikasi telefon pintar THiJARI yang dibangunkan TH akan memudahkan pengguna melakukan transaksi masing-masing, selari dengan kepentingan teknologi semasa.

Katanya, aplikasi berkenaan adalah lanjutan daripada portal

THiJARI yang dilancarkan pada 5 Februari lalu.

THiJARI boleh dimuat naik dari Play Store atau App Store, secara percuma, dan ia membolehkan pengguna melakukan segala transaksi seperti pertanyaan baki, mencetak penyata, pemindahan wang, menyemak status serta pendaftaran haji.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan aplikasi berkenaan di Menara TH di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Nik Mohd Hasyudeen berkata, 78 peratus transaksi TH kini dilakukan dalam talian, manakala baki 22 peratus lagi membabitkan urusan di kaunter.

Sementara itu beliau berkata, penularan pandemik COVID-19 tidak menjelaskan operasi TH apa-

bila jumlah deposit meningkat sebanyak RM5 bilion sejak lapan bulan lalu.

"Kami dapat keyakinan orang ramai terhadap operasi TH tidak berkurangan, sebaliknya meningkat walaupun ketika pejabat perlu ditutup akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Sehingga kini jumlah deposit adalah RM75 bilion," katanya.

Mengenai pelaksanaan ibadat Haji, Nik Mohd Hasyudeen, berkata kuota atau prosedur operasi standard (SOP) berhubung pelaksanaan ibadat haji hanya akan diketahui sebaik menteri berkenaan bermesyuarat di Arab Saudi.

"Sebenarnya, ada mesyuarat tahunan antara menteri haji Arab Saudi dengan menteri dari negara Islam berkaitan," katanya.